

Ruj. Kami : USM. 10/4/1 JLD. III

Tarikh : 17 Ogos 2023

Pengarah Kampus/Dekan/Pengarah/  
Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan

**Bangunan Canselor**  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan,

### **PENCALONAN ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN 2022**

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan Anugerah Pentadbir Sanjungan pada setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga USM yang telah menunjukkan kesanjungan, kecemerlangan terhadap bidang pengurusan dan pentadbiran, sumbangan penghasilan tugas melalui kreativiti dan inovasi serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr./tuan/puan, Anugerah Pentadbir Sanjungan ini terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.
3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak universiti ingin mempelawa staf yang berkelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon Anugerah Pentadbir Sanjungan 2022 secara kendiri. Pencalonan juga boleh dibuat oleh Ketua Jabatan bagi staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing atau staf juga boleh mencalonkan staf lain yang berkelayakan.


4. Permohonan dan pencalonan dibuka secara atas talian dari **18 Ogos 2023 hingga 11 September 2023** di pautan <https://pentadbirsanjungan.usm.my>.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' DR. MUSA BIN HJ. ALI)

Pendaftar  
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan  
Anugerah Pentadbir Sanjungan 2022

s.k. Naib Canselor

# Anugerah Pentadbir Sanjungan 2022

Kumpulan  
Pengurusan &  
Profesional

Kumpulan  
Pelaksana

Pencalonan terbuka mengikut kategori **Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dan Staf Kumpulan Pelaksana di USM** yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik.

Pencalonan dibuka secara dalam talian dari  
**18 Ogos 2023 hingga 11 September 2023**  
di <https://pentadbirsanjungan.usm.my>



# Anugerah Pentadbir Sanjungan 2022

Pencalonan terbuka mengikut kategori **Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dan Staf Kumpulan Pelaksana di USM**

yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik.

Pencalonan dibuka secara dalam talian dari  
**18 Ogos 2023 hingga 11 September 2023**  
di <https://pentadbirsanjungan.usm.my>

Pemenang akan menerima Sijil,  
Cenderamata dan wang tunai berjumlah

**RM 2,000.00**

